

# TAK PUAS HATI TERHADAP AYAH TIRI

Disifatkan tidak bertanggungjawab apabila menjenguk sesekali dalam tempoh beberapa bulan



**BERSAMA KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah Abdul Ghani

Kaunselor Bimbingan & Kaunselor Persekitaran Pura Sari, Putrajaya

Saya tidak kisah ibu berkahwin lain, tetapi sangat berharap supaya dia mendapat suami yang bertanggungjawab. Perkahwinan ini tidak memberi kesan secara langsung kepada saya, tetapi geram dan tidak puas hati apabila ayah tiri tidak memikul tanggungjawab seperti diharapkan.

Tindakan ayah tiri yang datang sesekali dalam tempoh beberapa bulan membuatkan saya melihat ketidakadilan berlaku. Saya sedar ayah tiri mempunyai keluarga sendiri, namun cara ini sangat tidak adil. Beliau hanya datang beberapa hari sahaja selepas berbulan-bulan tidak datang menjenguk. Saya simpati dengan ibu selepas mengalami kesengsaraan pada perkahwinan pertama dengan ayah kandung yang sudah terputus hubungan. Semoga puan dapat

membantu saya.

**ANAK PRIHATIN**  
Sabah

**Perasaan** diutarakan adalah luahan rasa prihatin terhadap kebajikan ibu. Anda cuba mengamati perasaan terpendam ibu dengan kehadiran lelaki bergelar suami. Konflik nilai dan perasaan ini membuatkan anda geram dan tidak puas hati dengan sikap ayah tiri.

Kehadiran dan keberadaan ayah tiri dalam kehidupan keluarga terutama ibu dirasakan sangat tidak adil. Anda melihat sikap ayah tiri yang melebihkan keluarga daripada isteri pertamanya. Keadaan emosi bertambah kuat disebabkan anda mengasihani ibu yang tidak pernah mendapat kebajikan dan perhatian daripada suami.

Keperitan itu dikaitkan

dengan pengalaman ibu bersama ayah kandung anda yang juga tidak bertanggungjawab terhadap keluarga dan ibu. Berdasarkan perincian ini, saya kongsi beberapa perkara yang boleh anda pertimbangkan untuk membantu ibu serta menguruskan emosi sendiri.

## 1. Menjadi pendengar baik untuk ibu

Luangkan masa anda untuk menemani ibu dalam semua hal. Tunjukkan kesediaan anda untuk mendengar apa yang ingin diluahkan. Namun perlu peka dengan perasaan ibu sendiri. Usah bertindak terlalu bijak untuk meneroka perasaannya. Anda mungkin tidak tahu, sejauh manakah ibu menerima situasi dialaminya. Jika ibu tidak pernah mengutarakan isu keberadaan ayah tiri, elakkanlah daripada

bertanya kepadanya secara terus. Pertanyaan anda mungkin mewujudkan hal berbangkit. Namun, jika anda benar-benar bersedia, cari masa yang sesuai dengan pemilihan perkataan baik dalam memulakan perbincangan dengan ibu. Sebaik-baiknya, biarlah rungutan itu datang daripada mulut ibu sendiri. Jika tidak, biarkanlah.

## 2. Menghormati ayah tiri

Sebagai anak, tanggungjawab anda masih sama iaitu menghormati ibu dan ayah tiri. Rasa hormat perlu ditunjukkan dengan perilaku positif dan penerimaannya. Usah menunjukkan sikap negatif dari segi tingkah laku bagi mewakili perasaan membantah dengan sikap ayah tiri. Bina hubungan baik dengan ayah tiri setiap kali beliau datang ke rumah. Anda sebenarnya mengajar satu nilai kekeluargaan yang positif. Tunjukkan rasa seronok apabila beliau berada di rumah.

Secara tidak langsung, anda berusaha menarik perhatiannya untuk menziarahi anda. Anda juga perlu memahami situasi ayah tiri yang mungkin berdepan dengan konflik tanggungjawab dan diri dalam perkahwinannya dengan ibu anda serta isteri pertamanya. Berikan masa kepada ayah tiri untuk mengharmonikan semuanya.

## 3. Membantu meringankan bebanan keluarga

Anda boleh mengalihkan perhatian emosi kepada tindakan proaktif yang boleh dilakukan. Ia lebih baik berbanding memikirkan satu keadaan yang anda tidak mempunyai kuasa untuk merubahnya.

Fikirkan bentuk bantuan yang boleh anda lakukan untuk membantu keluarga mengikut batasan sendiri. Ia secara tidak langsung membantu ibu merasa harmoni dan tenang bersama anak.

Usah terkejut jika ibu rasa lebih bahagia bersama anda sekeluarga berbanding memikirkan sikap ayah tiri yang tidak berada di rumah. Jelas nilai yang diletakkan oleh setiap individu adalah berbeza dan mungkin ia berbeza dengan ibu.

## 4. Meminta bantuan orang tengah

Jika anda rasa penting dan perlu untuk berbincang dengan ayah tiri mengenai keberadaannya, kenal pasti ahli keluarga yang lebih tua dan berpengalaman serta positif untuk berbincang dengan ayah tiri. Bagaimanapun, pastikan ibu bersetuju dengan tindakan itu. Jika tidak, biarlah ibu yang menentukan sendiri apa yang terbaik buatnya. Jika ibu tidak rasa sengsara dengan situasi itu, hormati keputusan ibu.

Usah bertindak mencampuri urusan ibu dan ayah tiri. Anda mungkin tidak mengetahui persetujuan mereka berdua sebelum berkahwin.

## 5. Mengurus emosi dengan ketakwaan

Uruskan emosi anda dengan meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Panjangkan doa kepada Yang Maha Esa bagi mengharmonikan kehidupan anda sekeluarga. Fahami diri dan keluarga dengan mendahulukan Allah dalam setiap tindakan. Percaya dan yakin kepada Allah.